

CUEPACS syor EKK untuk penjawat awam di Langkawi

LANGKAWI: Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mencadangkan kerajaan memperkenalkan elaun kesulitan khas (EKK) untuk penjawat awam di pulau ini bagi menghadapi kenaikan kos sara hidup.

Timbalan Presiden II CUEPACS, Mohd Shaman Jaes, berkata EKK yang dicadangkan itu dapat mengurangkan bebanan kewangan lebih 2,000 penjawat awam, khususnya kakitangan sokongan II yang tinggal di Langkawi.

"CUEPACS menerima banyak keluhan dan rintihan penjawat awam yang berkhidmat di pulau ini berkaitan bebanan kewangan masing-masing selepas terpaksa menyewa rumah dan perbelanjaan harian.

"Kesukaran mendapat rumah sewa di Langkawi amat ketara, malah kalau ada pun kadar sewanya tinggi antara RM500 hingga RM1,000 sebulan, sekali gus membebankan penjawat awam," katanya selepas menghadiri Dialog Penjawat Awam Teknikal di sini, hari ini.

Mohd Shaman berkata, sudah tiba masanya kerajaan memperkenalkan elaun itu kerana tumpuan kerja kakitangan awam boleh terganggu, terutama jika memilih melakukan pekerjaan sampingan bagi mendapat pendapatan tambahan.

"Elaun dicadangkan ini setara atau lebih tinggi daripada Bayaran Insentif Wilayah yang diberi kepada penjawat awam berasal dari Sabah dan Sarawak yang ditempatkan di Semenanjung atau sebaliknya.

"Kira-kira 10 tahun lalu, isu ini pernah disebut tetapi tiada tindakan susulan, maka kini CUEPACS membawanya untuk perhatian kerajaan," katanya.